



اوتورسيتي مليسيا فھج السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-178 BIL. 26/2025

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN RAYUAN BAGI PENEMPATAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNTUK SESI AKADEMIK 2025/2026 BAGI PELAJAR YANG BERADA DI UMPSA KAMPUS PEKAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kepada Semua Pelajar Kanan UMPSA Kampus Pekan.

Dimaklumkan bahawa **permohonan rayuan penempatan di Kolej Kediaman** bagi sesi akademik 2025/2026 kini dibuka untuk Pelajar Kanan yang berada **di UMPSA Kampus Pekan sahaja**.

Berikut merupakan maklumat penting berkaitan permohonan rayuan:

1. **Tempoh Permohonan:** **18 Julai 2025 (Jumaat) hingga 20 Julai 2025 (Ahad)**
2. **Kaedah Permohonan:** Permohonan rayuan hendaklah dibuat melalui pautan berikut (<https://forms.gle/Y5EBBCPVKXv6TDFq7>)
3. **Dokumen Sokongan:** Pelajar yang mempunyai alasan kukuh (seperti masalah kesihatan, keselamatan, kewangan dan lain-lain) **dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan** bagi membantu proses penilaian dan pertimbangan.
4. **Keputusan Rayuan:** Keputusan akan dimaklumkan secara rasmi melalui emel selepas proses semakan dan pertimbangan selesai dilakukan.

Nota Penting:

- Rayuan akan dipertimbangkan bergantung kepada kekosongan semasa dan keutamaan keperluan.
- Pelajar dinasihatkan untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat.

Walaupun kapasiti penempatan asrama adalah terhad, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) akan berusaha sedaya upaya untuk membantu pelajar yang benar-benar memerlukan kemudahan penginapan, khususnya pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 yang menghadapi kekangan dari segi kesihatan, keselamatan, kewangan atau kebajikan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pihak pengurusan kolej kediaman melalui e-mel residen@umpsa.edu.my. Bagi **pelajar yang tidak berjaya** dalam permohonan rayuan ini, maklumat kekosongan rumah di sekitar Pekan disediakan melalui saluran Telegram di pautan <https://t.me/+Fwin635tx-Y5NDdl> untuk memudahkan urusan pencarian penempatan tersebut.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh: 17 Julai 2025